



## AKTA SYARIKAT

(Penggal 39)

### ATURAN-ATURAN SYARIKAT (TADBIR URUS KORPORAT) (SYARIKAT AWAM) (PINDAAN), 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 324A(2) dari Akta Syarikat, maka Menteri Kewangan dan Ekonomi, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut –

#### Gelaran

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Syarikat (Tadbir Urus Korporat) (Syarikat Awam) (Pindaan), 2019.

#### Pindaan aturan 6 dari S 34/2016

2. Aturan 6 dari Aturan-Aturan Syarikat (Tadbir Urus Korporat) (Syarikat Awam), 2016, dalam Aturan-Aturan ini disebut sebagai Aturan-Aturan utama, adalah dipinda, dalam aturan kecil (1), dengan memotong “a majority of directors who are independent directors” dan menggantikannya dengan “one director who is an independent director”.

#### Tambahan aturan 9 baru

3. Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah aturan baru yang berikut –

#### “Laporan

9. (1) Setiap syarikat awam hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar suatu laporan pengarah berkenaan dengan pematuhan syarikat itu kepada peruntukan Aturan-Aturan ini.

(2) Syarikat awam itu hendaklah melampirkan laporan tersebut kepada penyata tahunan syarikat yang dibuat menurut bab-bab 107 dan 108.

(3) Jika sebuah syarikat awam melanggar aturan ini, syarikat itu dan setiap pengarah syarikat itu yang ingkar boleh dikenakan suatu denda ingkar.”.

Diperbuat pada hari ini      4      haribulan      Safar 1441      Tahun Hijrah 1440  
bersamaan dengan      3      haribulan      Oktober      2019.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.**